



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Hospital
Al-Sultan Abdullah

BUKU PANDUAN

STAF BAHARU

HOSPITAL AL-SULTAN ABDULLAH, UiTM



BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Jabatan Pentadbiran & Sumber Manusia
Hospital Al-Sultan Abdullah, Universiti Teknologi MARA
42300 Bandar Puncak Alam, Selangor



+6 (03) 3396 3000 / 3001 / 3002

KATA-KATA ALUAN PENGARAH

Syukur ke hadrat Allah S.W.T. atas rahmat dan kurnia-Nya Buku Panduan Staf Baharu Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM Edisi Pertama dapat diterbitkan untuk panduan staf baharu lapor diri. Buku ini akan diedarkan ke seluruh warga Hospital sebagai sumber rujukan dan panduan bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan yang cemerlang.



UiTM merupakan universiti terbesar dalam negara yang menyediakan pendidikan tinggi bertaraf dunia kepada anak bangsa. Pewujudan hospital universiti ini membuktikan bahawa kita mampu melangkah lebih jauh khususnya dalam bidang perubatan dan penjagaan kesihatan melalui inovasi dan aktiviti penyelidikan yang berterusan. Ini bakal memberi manfaat yang besar kepada penduduk Malaysia khususnya warga kawasan Utara Selangor.

Sudah pasti pelbagai cabaran akan ditempuhi dalam menyediakan perkhidmatan yang terbaik untuk memenuhi harapan pemegang taruh. Justeru itu, Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM mengambil langkah proaktif mempersiapkan warga Hospital untuk memacu kecemerlangan universiti dengan penyediaan panduan ini bagi memastikan staf sentiasa bersedia menghadapi cabaran yang mendatang. Warga kerja Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM harus sentiasa bersedia dan relevan dalam memastikan pelaksanaan dan pengukuran perancangan sumber manusia yang mantap bagi memastikan perkhidmatan yang disampaikan berkualiti.

Diharapkan Buku Panduan Staf Baharu Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM Edisi Pertama ini menjadi panduan dan rujukan kepada warga kerja Hospital untuk terus melipat gandakan inisiatif dalam bidang inovasi dan penyelidikan kesihatan seterusnya memanfaatkan kepakaran dan fasiliti yang dimiliki agar usaha ini dapat diterjemah sebaik mungkin ke arah merealisasikan aspirasi kami menjadi sebuah Premier Hospital.

Ucapan tahniah dan syabas kepada semua warga kerja yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam merealisasikan kejayaan Buku Panduan Staf Baharu Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM Edisi Pertama ini.

Terima kasih.

PROF DR SAZZLI SHAHLAN KASIM
PENGARAH HOSPITAL AL-SULTAN ABDULLAH UiTM

KATA-KATA ALUAN PENASIHAT

Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur kepada Allah SWT kerana dengan limpah rahmat-Nya pihak Jabatan Pentadbiran & Sumber Manusia, Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM dapat menerbitkan Buku Panduan Staf Baharu, Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM edisi pertama ini.



Saya juga mengucapkan tahniah kepada warga kerja Jabatan Pentadbiran & Sumber Manusia, Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM yang telah berjaya mengeluarkan Buku Panduan ini yang mengandungi garis panduan bagi pengenalan awal dalam pengurusan sumber manusia, kebajikan dan kemudahan staf, khidmat pengurusan, latihan, pembangunan dan kompetensi. Buku ini adalah merupakan bahan rujukan awal bagi warga kerja Hospital dan diharapkan dengan adanya buku panduan ini ianya dapat membantu meningkatkan tahap profesionalisma, disiplin, etika kerja dan imej staf dalam melaksanakan tugas dan amanah yang telah diberikan.

Buku Panduan Staf Baharu edisi pertama ini juga akan dipertingkatkan dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan dan perubahan. Adalah diharapkan semua staf baharu akan menjadi buku ini sebagai panduan dan rujukan ke arah mencapai kecemerlangan dalam penyampaian perkhidmatan di Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM.

Sekian, terima kasih.

MOHD RIZAL NORDIN
TIMBALAN PENGARAH (PENGURUSAN)
MERANGKAP PENASIHAT BUKU PANDUAN STAF BAHARU
HOSPITAL AL-SULTAN ABDULLAH UiTM

ISI KANDUNGAN

PENGENALAN	1
LATAR BELAKANG	2
SEJARAH	4
NILAI UNIVERSITI	5
TADBIR URUS	6
PENGURUSAN LAPOR DIRI	8
PAKAIAN SEMASA BEKERJA	12
SISTEM- SISTEM DI UiTM	13
PENGURUSAN PELANTIKAN	17
PENGURUSAN DISIPLIN	20
PENGURUSAN PERKHIDMATAN & PRESTASI	27
PENGURUSAN KEMAJUAN KERJAYA	35
PENGURUSAN CUTI	36
PENGURUSAN LATIHAN & BIASISWA	39
PENGURUSAN KEMUDAHAN & KEBAJIKAN STAF	43
PENGURUSAN PERLETAKAN JAWATAN	58
PENJAGAAN FASILITI DAN KEBERSIHAN DI HOSPITAL	59
RUANG & KUARTERS	60
PROGRAM HOSPITAL MESRA IBADAH	63
PERKHIDMATAN KAUNSELING	65
PENDAFTARAN BADAN PROFESIONAL	68

PENGENALAN

Buku panduan ini disediakan oleh Jabatan Pentadbiran & Sumber Manusia, Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM untuk menerangkan syarat-syarat perkhidmatan staf, hal ehwal pengurusan sumber manusia, kemudahan dan ganjaran yang disediakan oleh Universiti serta perancangan pembangunan staf dan kerjaya. Diharapkan dengan adanya buku panduan ini ianya dapat membantu meningkatkan tahap profesionalisma, disiplin, etika kerja dan imej staf di dalam menjalankan tugas dan amanah yang telah diberikan oleh HASA UiTM.

Maklumat yang terkandung di dalam Buku Panduan ini berdasarkan kepada Peraturan-peraturan Staf Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 dan pekeliling-pekeliling dan dokumen yang terpakai pada tarikh penerbitan buku ini.

STAF YANG BARU MELAPOR DIRI

Semua staf dikehendaki melapor diri di Jabatan Pentadbiran & Sumber Manusia, Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM bagi urusan

1. Penempatan Jabatan/Unit.
2. Penyerahan senarai tugas.
3. Penyerahan dokumen lapor diri untuk simpanan pihak HASA UiTM dan Pejabat Pendaftar.

Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM ialah Hospital Pengajar Universiti (HPU) di bawah seliaan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

Hospital Al-Sultan Abdullah mempunyai 400 katil yang serba lengkap ini mampu memberi manfaat kepada rakyat Selangor khususnya mereka yang tinggal di kawasan daerah Kuala Selangor.

Pusat Pakar Perubatan UiTM (PPUiTM) di Sungai Buloh yang telah beroperasi lebih sedekad juga dibawah tadbir urus HASA. PPUiTM memfokuskan perkhidmatan kesihatan dalam bidang Jantung dan Paru-paru



HOSPITAL AL-SULTAN ABDULLAH UiTM, PUNCAK ALAM



Pembinaan hospital bermula pada 11 April 2017, mempunyai kapasiti 400 katil yang dilengkapi dengan peralatan canggih, serta kemudahan akademik dan pengajaran untuk kira-kira 750 orang pelajar.

Hospital ini juga dilengkapi dengan bangunan penginapan untuk Pegawai Perubatan dan Jururawat, serta surau. Selain itu, terdapat juga kemudahan untuk pelawat dan orang awam, serta bangunan sampingan seperti penyejuk dan pencawang elektrik.

PERKHIDMATAN



PUSAT PAKAR PERUBATAN UiTM
SUNGAI BULOH

- Pesakit Dalam & Luar
- Jantung & Paru-paru



HOSPITAL AL-SULTAN
ABDULLAH UiTM
PUNCAK ALAM

- Pesakit Dalam & Luar
- Multidisiplin

PERKHIDMATAN KLINIKAL

- **PERUBATAN AM**
(GASTROENTEROLOGI, RESPIRATORI, DERMATOLOGI, ENDOKRINOLOGI, REUMATOLOGI, PENYAKIT BERJANGKIT, PALIATIF, GERIATRIK, NEUROLOGI, HEMATOLOGI, ONKOLOGI, RAWATAN RAPI)
- **NEFROLOGI**
- **KARDIOLOGI**
- **PERUBATAN PEMULIHAN / REHABILITASI**
- **RADIOLOGI**
- **PSIKIATRI**
- **PERUBATAN KESIHATAN PRIMER**
- **PERUBATAN KESIHATAN AWAM**
- **PEMBEDAHAN AM**
- **PEMBEDAHAN KARDIOVASKULAR & TORASIK**
- **PEMBEDAHAN PLASTIK**
- **ANESTESIOLOGI**
- **OFTALMOLOGI**
- **PERUBATAN KECEMASAN**
- **OTORINOLARINGOLOGI**
- **ORTOPEDIK & TRAUMATOLOGI**
- **OBSTETRIK & GINEKOLOGI (O&G)**
- **PEDIATRIK**
- **MAKMAL DIAGNOSTIK KLINIKAL**
- **FORENSIK**
- **RAWATAN HARIAN**
- **PERGIGIAN**
- **PENCEGAHAN DAN KAWALAN JANGKITAN**



SEJARAH HOSPITAL AL-SULTAN ABDULLAH UiTM



Fakulti Perubatan, UiTM ditubuhkan secara rasmi pada November 2002 oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, terletak di Petaling Jaya, Selangor. Bermula dari 1 Disember 2002 hingga 14 Mac 2004, Fakulti Perubatan berada di bawah penaung Profesor Dr. Abdul Rahim Mohd Noor sebagai Dekan Asas dan kemudian dilantik sebagai Dekan Fakulti Sains Kesihatan. Kepimpinan Fakulti Perubatan telah diteruskan oleh Profesor Dato' Dr. Khalid Yusoff pada 15 Mac 2004 sehingga 1 September 2013.

Pada tahun 2011, fakulti telah berkembang dengan pesat dan jumlah pengambilan pelajar semasa kini adalah sekitar 250 pelajar setahun. Pejabat pentadbiran Fakulti Perubatan telah ditubuhkan sementara di tingkat 20, Menara 1, Bangunan Sains dan Teknologi di kampus UiTM Shah Alam yang merupakan kampus utama UiTM.

Pada tahun 2010, pelajar Tahun 4 & 5 serta kakitangan pentadbiran berpindah telah ke UiTM Kampus Selayang dan secara rasmi diserahkan kepada Fakulti Perubatan pada 21 Januari 2010. Pelajar Tahun 3 dan aktiviti penyelidikan berpindah ke kampus UiTM Sungai Buloh. Walau bagaimanapun, pengajaran pra-klinikal masih dijalankan di UiTM Shah Alam.

Fakulti Perubatan kemudian memperoleh tanah seluas beberapa hektar berdekatan dengan Hospital Sungai Buloh untuk membina kampus utama. UiTM Kampus Sungai Buloh telah siap pada tahun 2012 dan semua kakitangan pentadbiran dan akademik telah berpindah dari Shah Alam ke Sungai Buloh. Pusat Latihan Klinikal (CTC) kemudian memulakan kliniknya dan juga perkhidmatan pesakit untuk masyarakat di Sungai Buloh dan Selayang. Pada 14 Julai 2014 ia telah ditukar nama kepada Pusat Pakar Perubatan UiTM (PPUiTM).

Pada 1 September 2016, lantikan kali pertama Pengarah Hospital UiTM iaitu Profesor Dr. Sazli Shahlan Kasim telah dibuat untuk perancangan dan pembinaan hospital pengajar UiTM di Puncak Alam dan dijangka siap pada 2020. Pada 23 Mac 2021, Hospital UiTM Puncak Alam telah diserahkan kunci oleh YBhg Menteri Kementerian Pengajian Tinggi. Hospital UiTM telah beroperasi secara berfasa dan beroperasi sepenuhnya pada Februari 2022.

Hospital UiTM telah bertukar nama kepada Hospital Al-Sultan Abdullah dan dirasmikan oleh Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah pada 23 Julai 2022.

NILAI UNIVERSITI

UiTM adalah satu organisasi yang menerapkan intipati utama ini dalam membuat keputusan dan tindakan staf. UiTM yakin dan percaya bahawa nilai - nilai ini merupakan batu asas kepada penghasilan produktiviti, usaha penambahbaikan yang berterusan seterusnya menyumbang kepada kelestarian kehidupan. Berikut merupakan Nilai UiTM, iDART dan ESI.

NILAI UiTM




Mengamalkan piawaian kualiti dalaman berkaitan dengan **keupayaan**, **kebolehan** dan **potensi diri** supaya diiktiraf, dirujuk dan dihormati.



Membudayakan **kebersamaan** dan **keterangkuman** yang harmoni dan **produktif** bagi mencapai hasil berkualiti yang bermanfaat dan berimpak tinggi.



Menghayati **nilai-nilai murni** melalui **kesedaran**, **pematuhan** dan **tingkah laku** diri secara berterusan untuk mencapai etika profesionalisme yang tinggi.



TADBIR URUS HOSPITAL AL-SULTAN ABDULLAH UiTM

Keputusan MEU pada 3 Februari 2021 telah bersetuju dengan cadangan tadbir urus hospital secara terperinci dan Lembaga Pengarah Universiti dalam Mesyuarat LPU (Khas) pada 9 Februari 2021 meluluskan struktur tadbir urus Hospital Hospital Al-Sultan Abdullah.

Struktur tadbir urus Hospital Al-Sultan Abdullah terdiri daripada tiga (3) peringkat pembuat keputusan iaitu:

STRATEGIK

Jawatankuasa peringkat ini menggunakan nomenklatur Majlis melainkan bagi jawatankuasa yang telah di nyatakan di dalam Akta.

OPERASI

Jawatankuasa peringkat operasi menggunakan nomenklatur Jawatankuasa melainkan nama jawatankuasa berkenaan telah ditetapkan oleh agensi pusat atau tertakluk kepada Akta UiTM.



EKSEKUTIF

Jawatankuasa Peringkat Eksekutif menggunakan nomenklatur Jawatankuasa Induk (JKI).

CARTA ORGANISASI PENGURUSAN HOSPITAL AL - SULTAN ABDULLAH



PENGURUSAN LAPOR DIRI

Persediaan Sebelum Melapor Diri

1. Pegawai menghantar Perakuan Pengesahan Penerimaan Jawatan 14 hari dari tarikh penerimaan surat tawaran.
 2. Memilih tarikh lapor diri 1hb atau 16hb.
 3. Menghantar notis (tempat pekerjaan terdahulu, jika perlu)
 4. Pemeriksaan kesihatan
 5. Melengkapkan Dokumen Lapor Diri
-

Dokumen Lapor Diri

Berikut merupakan senarai semak Dokumen Lapor Diri Staf Baharu:

- 1 Borang Permohonan Jawatan Pentadbiran UiTM
- 2 Borang Biodata Peribadi Staf
- 3 Borang Permohonan Pemeriksaan Perubatan
- 4 Borang Pemberitahuan Pekerja Baru Lembaga Hasil Dalam Negeri
- 5 Surat Akuan Sumpah
- 6 Perakuan Akta Rahsia Rasmi 1972
- 7 Borang maklumat perkhidmatan yang lepas dengan kerajaan/swasta
- 8 Surat Perjanjian Perkhidmatan (Jawatan Kontrak sahaja)
- 9 Borang Soal selidik saringan kontak Covid19 Staf Baharu



Tatacara Proses Lapor diri Staf Baharu

LANGKAH 1

- ✓ Lapor diri pada jam 8.00 pagi
- ✓ Hantar dokumen lapor diri di Auditorium Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM.
- ✓ Proses Penyemakan Dokumen

LANGKAH 2

- ✓ Lapor diri kepada Ketua Jabatan
- ✓ Serah dokumen lapor diri untuk pengesahan Ketua Jabatan

LANGKAH 3

- ✓ Hantar dokumen yang tidak lengkap kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
- ✓ Selepas mendapat nombor pekerja, staf dikehendaki membuat kad pekerja di Jabatan Infostruktur.
- ✓ Sila hantar Deskripsi Tugas dan Pengesahan penempatan ke Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

Pendaftaran e-Vetting

Seperti dinyatakan di dalam surat tawaran - staf perlu mengisi maklumat tapisan keselamatan secara dalam talian di <https://evetting.cgso.gov.my/> dalam tempoh tiga puluh (30) hari mulai tarikh lapor diri. Sila hantar keputusan tapisan keselamatan ini ke Bahagian Pembangunan Sumber Manusia untuk dimajukan ke Bahagian Pengurusan Perkhidmatan, Jabatan Pengurusan Sumber Manusia Pejabat Pendaftar untuk dikemaskini dalam rekod perkhidmatan.

Sila klik pada pautan "Lupa Kata Laluan" sekiranya akaun anda terkunci

PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN MALAYSIA
JABATAN PERDANA MENTERI

05 Aug 2022 15:39:30

e-Vetting 2.0

Log Masuk | Daftar | Soalan Lazim | Aduan | Manual Pengguna | Hubungi Kami

Jenis Pengguna: Pemohon Individu Pemohon Syarikat/Jabatan Pengesah Jabatan

ID Pengguna:


Kata Laluan:

Lupa Kata Laluan

EN


DEKLARASI HARIAN SARINGAN RISIKO COVID-19 UiTM

1



BUKA PAUTAN SARINGAN COVID-19 (<https://saringc19.uitm.edu.my>)

2



ISI BORANG DEKLARASI

3



PASTIKAN STATUS ANDA A/B/C/D/E

4




SCAN QR CODE SEBELUM MEMASUKI SETIAP UNIT/JABATAN DI UiTM



BAGI STAF BARU, SILA TUKAR STATUS PELAWAT KEPADA STAF SEKIRANYA TELAH MENERIMA EMAIL RASMI UiTM


LANGKAH KEMASKINI BORANG MAKLUM BALAS PENERIMAAN VAKSIN COVID-19 WARGA UiTM

1




BUKA PAUTAN SARINGAN COVID-19 (<https://saringc19.uitm.edu.my>)

2



PILIH MENU MAKLUMBALAS VAKSIN COVID-19

3



ISI BORANG MAKLUMBALAS PENERIMAAN VAKSIN COVID-19 WARGA UiTM

4



MUATNAIK GAMBAR SIJIL DIGITAL/ KAD VAKSINASI

5



TEKAN BUTANG SAHKAN DAN HANTAR

STAF BARU HASA UiTM?

APA YANG PERLU SAYA LAKUKAN?

LAPOR DIRI

Penyerahan dokumen lengkap di Pejabat Pendaftar untuk melancarkan proses penajaan nombor pekerja.

GMAIL UiTM

Mohon penajaan email UiTM di Aduan ICT (<https://units.uitm.edu.my/>)

E-VETTING

Mengisi maklumat Tapisan Keselamatan Kerajaan Malaysia secara atas talian di <https://evetting.cgso.gov.my/> dalam tempoh tiga puluh (30) hari mulai tarikh lapor dan dihantar ke Bahagian Pembangunan Sumber Manusia

APLIKASI HR2U

Muat turun aplikasi untuk :-

- Ketik kehadiran
- Cuti rehat
- Cuti sakit
- Keluar pejabat

FINE PORTAL

- Tukar/tambah akaun bank
- Pemotongan Gaji
- Pinjaman

NOMBOR PEKERJA

Selepas semua proses di Pejabat Pendaftar selesai (tempoh minimum 14 Hari bekerja), anda akan menerima nombor pekerja yang dijana oleh Pejabat Pendaftar.

I-STAF PORTAL

- eKiosk Peribadi
- ePengambilan Staf
- eLatihan
- ePermohonan Skim Khairat Kematian
- ePelekat Kenderaan

SISTEM HR2U

- Cuti
- Penilaian LNPT
- Pengurusan Waktu Bekerja
- Perubatan (Klinik Panel)
- Pengesahan Perkhidmatan
- Permohonan ke Luar Negara
- Surat Aku Janji
- Pengisytiharaan Harta & Liabiliti

PAKAIAN SEMASA BEKERJA

Pakaian Seragam/Uniform hendaklah sentiasa dipakai semasa bekerja bagi staf yang dibekalkan dengannya.

- Pekeliling Pendaftar Bil.15/2011




RINGKASAN SISTEM YANG DIGUNAPAKAI UiTM

HR2U



HR2U menghubungkan Pengurusan Sumber Manusia dengan Teknologi Maklumat melalui perisian HR. Ianya melibatkan pelbagai fungsi seperti Perancangan Sumber Manusia, Pengambilan dan penempatan staf, Pengesahan dalam Perkhidmatan, Pengurusan Perkhidmatan, Pengurusan Saraan, Kebajikan dan Kemudahan Staf, Perubatan, Peningkatan Kerjaya, Pengurusan Meninggalkan Perkhidmatan, Pelan Penggantian, Integriti, Pengurusan Psikologi, Analisa HR dan Sistem Penggajian.

- Modul Penilaian -LNPT, Pengesahan
- Modul Cuti - Permohonan Cuti
- Pengurusan Waktu Bekerja - Pengesahan Kerja (Ketik Masuk/Keluar), Borang keberadaan, Borang Keluar
- Perubatan - Tuntutan Bayaran Balik Rawatan, Klinik Panel
- Dasar Pemisah - Pengenalpatian Saringan Pemantauan intervensi penilaian prestasi khas.
- Integriti - Surat Aku Janji, Pengisytiharaan Harta dan Liabiliti, Pengisytiharaan Syarikat, Kebenaran Miliki Tanah, Permohonan Pekerjaan Luar, Tatatertib



RINGKASAN SISTEM YANG DIGUNAPAKAI UiTM

FINEPORTAL



Portal kewangan UiTM ini adalah untuk memantapkan lagi perkhidmatan Pejabat Bendahari dan sebagai saluran utama pelbagai informasi terkini yang ingin dikongsikan bersama untuk manfaat semua pelanggan pejabat ini khususnya dan universiti amnya. (Modul Gaji, Permohonan Pinjaman dan Sistem Kewangan.)

- Modul Gaji
- Permohonan Pinjaman
- Sistem Kewangan

RINGKASAN SISTEM YANG DIGUNAPAKAI UiTM**STAR V3**

Fungsi Portal I-Staf adalah untuk mengetahui pengumuman terkini, mengakses aplikasi atas talia, mengakses sistem sokongan (untuk staf yang dibenarkan oleh Pejabat Pendaftar sahaja), muat turun borang, capaian kepada emel rasmi UiTM, pautan kepada laman-laman web yang lain serta kalendar untuk mengetahui aktiviti-aktiviti harian.

Menu Sistem eProses:-

- eKiosk Peribadi
- eBasiswa PNP
- ePTM
- eBasiswa Pelaksana
- ePengambilan Staf
- eKenaikan Pangkat
- eLatihan
- eKaunseling staf
- ePermohonan Skim Khairat Kematian

Menu Sistem Sokongan:-

- eLantikan Akademia
- ePelekat Kenderaan Staf
- eInterprestasi
- Laporan Online

The screenshot displays the Portal I-Staf interface. At the top, there is a navigation bar with the text 'Aspirasi Global.', 'INFORMASI DAN KOMUNITI STAF UiTM', 'PORTAL I-STAF', and the logo of Universiti Teknologi MARA. Below this, there are links for 'LAMIAN UTAMA', 'SOALAN LAZIM', 'PENDAFTARAN', 'KALENDAR', and 'KELUAR'. A login section is visible with fields for 'Login ID' and 'Kata Laluan', and buttons for 'Login' and 'Lupa Kata Laluan'. A sidebar on the left contains a menu with items such as 'STARS V3', 'eCLOCK', 'Muat Turun', 'Pautan', 'Elain dan Kemudahan', 'Maklumat Perkhidmatan', 'Surat Pekeliling Perkhidmatan', 'Laman Web', 'Penyelidikan & Perkhidmatan', 'Emel Rasmi UiTM', 'IPTA Malaysia', 'Cadangan & Masalah', 'Manual Pengguna', 'Repositori eUI', and 'Pengurusan Mesyuarat'. The main content area features a banner for 'KEMPEN BUDAYA PERDANA UiTM' and a 'PENGUMUMAN!' section. On the right, there is a calendar showing '3 MUHARRAM 1444 H Monday (Isnin)' and logos for 'PPUiTM PERSATUAN PENTADBIR UiTM' and 'PEWANI PERSATUAN WANITA UiTM'.


Emel UiTM



Emel rasmi UiTM disediakan kepada semua staf UiTM bagi memudahkan untuk menyampaikan dan menyebarkan maklumat rasmi kepada staf UiTM yang untuk mendapatkan maklumat tersebut.

WEB SSO

Akses UiTM (UiTM Single Sign On) or WebSSO ialah perkhidmatan yang membolehkan pemngguna memberikan nama pengguna dan kata laluan mereka sekali kepada perkhidmatan yang dipercayai dan memastikan identiti mereka diberikan secara selamat, konsisten dan lancar kepada banyak aplikasi web. Ia membolehkan anda menggunakan aplikasi web tertentu tanpa perlu masuk lebih daripada sekali setiap sesi,



PENGURUSAN PELANTIKAN

Pelantikan Ke Dalam Perkhidmatan

- Pelantikan di Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM dalam perkhidmatan awam dibuat oleh Pihak Berkuasa Melantik (PBM) sama ada secara tetap, sementara atau kontrak. Semua pelantikan dibuat berdasarkan merit yang mana hanya calon-calon yang memenuhi syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan dan berjaya dalam tapisan pengambilan akan dilantik dalam perkhidmatan awam. Rujukan mengenai skim perkhidmatan dalam sektor awam boleh dibuat berdasarkan Lampiran B7, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2022 yang dikeluarkan oleh JPA dan pekeling-pekeling perkhidmatan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

Penetapan Gaji Permulaan

- Seseorang pegawai yang dilantik akan ditawarkan gaji permulaan yang ditetapkan dalam skim perkhidmatannya. Pertimbangan untuk mendapatkan gaji permulaan lebih tinggi ditentukan oleh PBM berdasarkan:
 - i. pengalaman relevan; dan
 - ii. kelayakan atau bakat.

Permohonan Semakan Gaji Permulaan

- Seseorang Pegawai yang mempunyai pengalaman kerja yang berkaitan dengan jawatan yang ditawarkan sila kemukakan dokumen berikut dalam tempoh 90 hari dari tarikh lapor diri bagi membolehkan pihak pengurusan Universiti memberi pertimbangan ke atas permohonan semakan gaji permulaan.
 - i. Surat Rasmi dari Penama
 - ii. Surat Pengesahan Majikan
 - iii. Salinan Rekod Perkhidmatan (Kerajaan/Badan Berkanun)
 - iv. Salinan Syarat-syarat perkhidmatan

PEMBAYARAN GAJI

- Pembayaran gaji bulanan staf diuruskan oleh Bahagian Gaji, Pejabat Bendahari melalui dua (2) cara iaitu:
 1. Dikreditkan ke akaun bank staf
 2. Melalui cek:
 - Untuk staf yang akan berhenti/memberi notis berhenti
- Pembayaran gaji yang dikreditkan ke akaun bank stf adalah melalui bank-bank berikut :
- Maybank Berhad, CIMB Bank, Bank Simpanan Nasional, Affin Bank Berhad, Bank Islam Malaysia Berhad, Bank Muamalat Malaysia Berhad.

TARIKH PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

- Tarikh pergerakan gaji tahunan staf yang dilantik atau tukar lantik atau naik pangkat atau disahkan dalam perkhidmatan (berdenda) ditetapkan kepada empat (4) tarikh pergerakan seperti berikut:

Tarikh Lantik/Tukar Lantik/ Naik Pangkat/ Disahkan dalam Perkhidmatan (Berdenda)	Tarikh Pergerakan Gaji
1 Januari hingga 31 Mac	1 Januari
1 April hingga 30 Jun	1 April
1 Julai hingga 30 September	1 Julai
1 Oktober hingga 31 Disember	1 Oktober

- Pergerakan gaji tahunan staf adalah tidak secara automatik dan akan ditetapkan berdasarkan kepada Laporan Penilaian Prestasi Tahunan.
- Staf yang bercuti separuh gaji atau bercuti tanpa gaji tidak lebih dari 180 hari dalam satu tahun kalendar adalah layak dipertimbangkan pergerakan gaji biasa.
- Staf yang tidak melaksanakan Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) mengikut tempoh yang ditetapkan tanpa alasan yang difikirkan munasabah tidak akan dipertimbangkan pergerakan gaji tahunan (PGT) dan boleh dicadangkan untuk dikenakan tindakan tatatertib.

BANTUAN SARA HIDUP (COLA)/BISH

Mulai 1.1.2016, BSH diberi kepada Pegawai Layak seperti berikut:-

- Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Sokongan

- Lantikan tetap, sementara, sambilan, sangkut, kontrak dan guru sandaran.

- Diluluskan sebarang jenis cuti bergaji penuh

- Diluluskan sebarang jenis cuti separuh gaji dibayar atas kadar separuh

- Diluluskan Cuti Belajar Bergaji Penuh di dalam negara dibayar mengikut lokasi institusi pengajian atau

- Diperuntukkan Rumah Kerajaan dalam lingkungan 25 kilometer dari tempat kerja (pejabat) dibayar atas kadar separuh daripada pegawai yang tidak diperuntukkan Rumah Kerajaan

Bil.	Lokasi	P&P (RM)	Pelaksana (RM)
I.	Kampus Shah Alam, Puncak Perdana	300.00	350.00
II.	Kampus Sungai Buloh	300.00	350.00
III.	Kampus Selayang	300.00	350.00
IV.	Kampus Puncak Alam	250.00	300.00

PEKERJAAN LUAR

"Permohonan pekerjaan hendaklah dikemukakan sebelum melakukan pekerjaan luar"

- Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 {Akta 605} memperuntukkan bahawa seseorang staf tidak boleh melakukan pekerjaan luar melainkan dengan terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari Ketua Jabatan.
- Garis panduan ini digubal berasaskan Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 {Akta 605} dan merupakan satu kaedah bagi mengurangkan bilangan aduan mengenai staf melakukan pekerjaan luar tanpa kebenaran.




GARIS PANDUAN MELAKUKAN PEKERJAAN LUAR

'Pekerjaan Luar' :-

- Mengambil bahagian, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dalam pengurusan atau urusan apa-apa pengusahaan komersial, pertanian atau perindustrian.
- Mengusahakan bagi mendapatkan apa-apa upah, apa-apa kerja dengan mana-mana institusi, syarikat, firma atau individu persendirian.
- Sebagai seorang pakar, memberikan apa-apa laporan atau memberikan apa-apa keterangan, sama ada secara percuma atau dengan dibayar upah.

Tatacara Permohonan Pekerjaan Luar di HR2U



WAKTU BEKERJA BERPERINGKAT (WBB) / PENGURUSAN WAKTU BEKERJA

Waktu Bekerja Berperingkat merupakan satu sistem penyampaian perkhidmatan yang digunapakai di seluruh Agensi Kerajaan Persekutuan di seluruh negara dan ia dilaksanakan di Universiti Teknologi MARA.

Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) ke-162 telah meluluskan penerimaan pakai Pekeliling Perkhidmatan Bil.4/2017 di UiTM

Permohonan WBB akan dibuka pada bulan Disember setiap tahun bagi penggunaan WBB pada tahun berikutnya.

Permohonan WBB boleh dibuat melalui sistem HR2U.

WBB diwujudkan dengan waktu pejabat yang bermula dari jam 7.30 pagi hingga 6 petang.

Berikut disertakan jadual WBB yang digunapakai di UiTM

Jadual 1: Hari dan Tempoh Waktu Bekerja

Negeri	Hari	Tempoh Bekerja	Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Rehat Mingguan
Perlis, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang, Sabah, Sarawak, dan Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan)	Isnin hingga Khamis Jumaat	9 Jam 7 Jam 30 Minit	Hari Sabtu merupakan hari rehat mingguan manakala hari Ahad merupakan hari kelepasan mingguan
Kedah, Kelantan, Terengganu dan Johor	Ahad hingga Rabu Khamis	9 Jam 7 Jam 30 Minit	

Jadual 2: WBB di Hospital Al-Sultan Abdullah

Waktu Peringkat (WP)	Hari	Waktu Bekerja	Waktu Rehat
WP1	Isnin hingga Jumaat	7.30 Pagi - 4.30 Petang	<p>Isnin - Khamis : 1.00 petang - 2.00 petang</p> <p>Jumaat : 12.15 tengah hari - 2.45 petang</p>
WP2	Isnin hingga Jumaat	8.00 Pagi - 5.00 Petang	
WP3	Isnin hingga Jumaat	8.30 Pagi - 5.30 Petang	
WP4	Isnin hingga Jumaat	9.00 Pagi - 6.00 Petang	


Jadual 3: WBB Bulan Ramadan di Hospital Al-Sultan Abdullah

Waktu Peringkat (WP)	Hari	Waktu Bekerja	Waktu Rehat
WP5	Isnin hingga Jumaat	7.30 Pagi - 4.00 Petang	<p>Isnin - Khamis : 1.00 petang - 1.30 petang</p> <p>Jumaat : 12.30 tengah hari - 2.30 petang</p>
WP6	Isnin hingga Jumaat	8.00 Pagi - 4.30 Petang	
WP7	Isnin hingga Jumaat	8.30 Pagi - 5.00 Petang	
WP8	Isnin hingga Jumaat	9.00 Pagi - 5.30 Petang	

TIME MANAGEMENT SYSTEM / PENGURUSAN WAKTU BEKERJA

Bermula 1 April 2021 staf Hospital Al-Sultan Abdullah telah menggunakan aplikasi TMS sebagai rekod kehadiran staf. Sistem TMS ini boleh dicapai melalui aplikasi HR2U di android dan iOS.

- Log Masuk di Aplikasi HR2U.
- Daftarkan telefon sebagai alat Perakam Waktu (TMS).



<h2 style="margin: 0;">TIME MANAGEMENT SYSTEM</h2>	
<p>SISTEM ATAS TALIAN YANG AKAN MEREKOD KEHADIRAN STAF DI PEJABAT</p>	
<div style="background-color: #e67e22; color: white; padding: 5px; text-align: center; font-weight: bold; margin-bottom: 5px;"> DIMANAKAH KOORDINATE BERADA? </div> <p>ANJUNG ZAM-ZAM, HUITM LOBI UTAMA</p> <p>ANJUNG PLATINUM, HUITM ARAS 5</p> <p>LOBI PPUITM, SG BULOH ARAS 1</p> <p>LOBI BANGUNAN AKADEMIK, SG BULOH ARAS 1</p> <p>LOBI PPUITM, SELAYANG ARAS 1</p>	<div style="background-color: #e67e22; color: white; padding: 5px; text-align: center; font-weight: bold; margin-bottom: 5px;"> ISU-ISU TEKNIKAL </div> <ol style="list-style-type: none"> Double Clocking/Cuti/Bertugas Secara Rasmi Di Luar Kawasan (UITM), buat Aduan Di UNITS ICT :- https://units.uitm.edu.my/aduan_add.cfm Pembatalan peranti di aplikasi HR2U: - maklumkan Kepada Pegawai Pelulus untuk meluluskan permohonan pembatalan anda.
<div style="display: flex; justify-content: space-between;"> <div style="width: 45%;"> <p>PEGAWAI PELULUS? INGIN MENUKAR SYIF KE WBB?</p> </div> <div style="width: 50%;"> <p>Hubungi En. Syurahbil di talian 03-33963349:-</p> <ul style="list-style-type: none"> - Nama - No.Staf - Nama Pegawai Pelulus - Nama Pegawai Pembenaar - Unit/Bahagian </div> </div>	
<p>Sebarang pertanyaan?</p> <p> aidilazmie@uitm.edu.my nurulatirah@uitm.edu.my</p> <p> En. Aidil/Cik. Atirah (03-3396 3367/11711)</p>	<p style="text-align: center; font-weight: bold;">FAQ</p>


SURAT AKU JANJI

Semua staf Hospital Al-Sultan Abdullah hendaklah mematuhi Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib & Surcaj) 2000 {Akta 605} / Kaedah-Kaedah Universiti Teknologi MARA (Tatatertib Kakitangan) 1991 dan apa-apa arahan yang dikeluarkan dan dikuatkuasakan oleh UiTM dari semasa ke semasa sepanjang perkhidmatan di UiTM.




Klik butang 'OK'


Paparan skrin Aku Janji akan memaparkan Surat Aku Janji (SAJ) untuk tindakan staff




Sekiranya *Checkbox* tidak lengkap ditandakan, sistem tidak akan menerima Surat Aku Janji staff




Login HR2U



Isikan kesemua *Checkbox* untuk melengkapkan Surat Aku Janji & Klik Hantar



Sistem akan memaparkan mesej:



BORANG PERISYTIHARAN HARTA & LIABILITI

Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 {Akta 605} memperuntukkan bahawa seseorang pegawai hendaklah mengisytiharkan secara bertulis kepada Jawatankuasa Tatatertib melalui Ketua Jabatannya, segala harta yang dipunyai olehnya atau oleh isteri, atau suaminya atau anaknya atau dipegang oleh mana-mana orang bagi pihaknya atau bagi pihak isteri atau suami atau anaknya.

Pelaksanaan


Semua staf Universiti Teknologi MARA hendaklah mengisytiharkan harta & liabiliti mengikut ketetapan seperti di bawah, iaitu:-

- Dalam tempoh 30 hari dilantik dalam perkhidmatan
- Pada bila-bila masa dikehendaki oleh universiti
- Apabila memperolehi harta baru/pertambahan harta
- Apabila melupuskan harta
- Sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 5 tahun dari tarikh terakhir pengisytiharan harta dan liabiliti telah dibuat.


BORANG PERISYTIHARAN HARTA & LIABILITI

Panduan Mengisi Borang Perisytiharan Harta & Liabiliti di HR2U


1. LOGIN HR2U




2. KLIK PADA PAUTAN INTEGRITI




3. LENGKAPKAN 5 TAB SKRIN BPHL



4. KLIK BUTANG 'SIMPAN & HANTAR'



5. BUKU PANDUAN BOLEH DILIHAT DI TAB PANDUAN > INTEGRITI > BPHL > MANUAL PENGGUNA



TATATERTIB DAN SURCAJ

Semua staf Universiti adalah tertakluk kepada Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605]. Tindakan tatatertib boleh diambil ke atas staf yang melanggar peraturan, tatakelakuan serta larangan-larangan yang terdapat dalam Akta 605 dan Peraturan Universiti.

Menurut Peraturan 40, Jadual Kedua, Akta 605, Jawatankuasa Tatatertib boleh mengenakan ke atas seseorang staf yang didapati bersalah atas suatu kesalahan tatatertib, mana-mana satu atau apa-apa gabungan dua atau lebih hukuman berikut :

- Amaran
- Denda
- Lucut hak emolumen
- Tangguh pergerakan gaji
- Turun gaji
- Turun pangkat
- Buang kerja

PENGURUSAN PERKHIDMATAN & PRESTASI

Tempoh Percubaan

1 tahun hingga 3 tahun

Dalam tempoh percubaan, staf perlu menghadiri Program Transformasi Minda (PTM),

Membuat tapisan keselamatan (e-vetting),

Melempi peperiksaan perkhidmatan (yang berkaitan)

Rujukan:

- Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) Tahun 2012
- Pekeliling Perkhidmatan Bil. 14 Tahun 2012 – Program Transformasi Minda
- Pekeliling Am Bilangan 5 Tahun 2021 Tapisan Keselamatan

Syarat Pengesahan

Syarat

- Telah menjalani tempoh percubaan dengan jayanya sama ada tempoh percubaan asal (satu (1) hingga tiga (3) tahun) atau yang dilanjutkan;
- Hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda/ Induksi/ program-program lain yang setaraf;
- Lulus peperiksaan perkhidmatan yang disyaratkan;
- Diperakukan layak untuk disahkan ke dalam perkhidmatan oleh Ketua Jabatan
- Melempi tapisan keselamatan (e-Vetting)

Syarat Tambahan

- Staf yang telah berkhidmat selama satu (1) tahun tetapi kurang dari dua (2) tahun perlu memperolehi markah minimum 85% dalam penilaian prestasi tahunan
- Staf yang telah berkhidmat selama dua (2) tahun tetapi kurang dari tiga (3) tahun perlu memperolehi markah minimum 80% dalam penilaian prestasi tahunan
- Staf yang telah berkhidmat selama tiga (3) tahun atau lebih perlu memperolehi markah minimum 75% dalam penilaian prestasi tahunan.
- Mohon di sistem HR2U

Rujukan:

Garis panduan urusan pengesahan ke dalam perkhidmatan

Pemberian Taraf Bekerja Pencen

Perbandingan di antara skim pencen dan skim KWSP.

PERKARA	PENCEN	KWSP
Caruman KWSP	Tiada	Ada: Pekerja dan Majikan
Caruman PTB	Ada : Majikan	Tiada
Kos Rawatan Perubatan Selepas Bersara	Ada	Tiada sekiranya Bersara Pilihan Ada sekiranya Bersara Paksa
Pencen Bulanan	Ada	Tiada
Ganjaran	Ada	Tiada
Gantian Cuti Rehat (jika ada)	Ada	Ada

- **Perkiraan Pencen:**
 $1/600 \times$ jumlah bulan perkhidmatannya yang boleh dimasukkan kira X gaji hakiki bulanan yang akhir diterima.
- **Perkiraan Ganjaran:**
 $7.5\% \times$ jumlah bulan perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira X gaji hakiki bulanan yang akhir diterima
- **Perkiraan Gantian Cuti Rehat:**
 $1/30 \times$ bilangan cuti rehat yang dikumpul (tidak melebihi 150 hari) X gaji akhir (termasuk imbuhan).

● Umur Wajib Bersara



Umur Bersara Wajib bagi staf lelaki dan perempuan adalah 58 tahun dan 60 tahun manakala Umur Bersara Secara Pilihan Sendiri adalah 40 tahun (telah berkhidmat 10 tahun di UiTM).

Permohonan Bersara Pilihan perlu dimajukan kepada Bahagian Pengurusan Perkhidmatan, Pejabat Pendaftar, melalui Jabatan Pentadbiran Hospital UiTM, enam (6) bulan sebelum tarikh bersara pilihan.



Permohonan bersara atas sebab kesihatan bermaksud Pegawai yang pada pandangan Ketua Jabatan tidak dapat melaksanakan tugas-tugas hakikinya disebabkan penyakitnya, boleh dibersarakan atas sebab kesihatan.

Rujukan: Akta Pencen 1980 [Akta 227]

Permohonan Ambil Kira Perkhidmatan Lepas



Tempoh perkhidmatan pegawai di jabatan lama (Kerajaan/Badan Berkanun) yang boleh diambil kira untuk diagregatkan dengan perkhidmatan sekarang di UiTM bagi faedah persaraan, kenaikan pangkat & permohonan cuti belajar khas pegawai perubatan & pegawai pergigian.

Permohonan perletakan jawatan pegawai yang diberi kelulusan dengan keizinan oleh Ketua Jabatan untuk berkhidmat di Perkhidmatan Awam/ Badan Berkanun baru. Kelulusan ini mestilah telah direkodkan di dalam Buku Perkhidmatan pegawai dengan menyatakan tarikh kuatkuasa pelepasan pegawai ke perkhidmatan baru. Sekiranya pegawai tidak memperolehi pelepasan dengan izin, tempoh perkhidmatan pegawai yang terdahulu tidak akan diambil kira untuk faedah persaraan.

Syarat-syarat Permohonan AKPL

- Telah disahkan jawatan sekarang (Di UiTM dan bukan di jabatan lama)
- Memilih skim perkhidmatan berpencen (Perenggan 5, PP Bil. 15/2001)
- Telah diberi kelulusan peletakan jawatan dan pelepasan jawatan dengan izin dari jabatan lama (Perenggan 3, PP Bil. 2/1980). Lantikan sebelum 28 Januari 2015.
- Bekas Anggota Tentera perlu mengisi borang persetujuan untuk membayar balik Ganjaran / Saguhati / Elaun Tamat Perkhidmatan Mobilisasi / Caruman Tabung Angkatan Tentera yang telah diterima semasa tamat perkhidmatan tentera.

Rujukan:

Manual Permohonan Mengambil Kira Perkhidmatan Lepas UiTM

PERTUKARAN STAF

- Semua permohonan pertukaran staf di dalam Universiti diselaraskan oleh pihak pengurusan dalam Mesyuarat Penyelarasan Pertukaran yang dijadualkan dua (2) kali setahun.

PROSEDUR:

1. Pemohon perlu membuat surat rasmi memohon pertukaran melalui Ketua Jabatan dan disertakan bersama dokumen sokongan sekiranya ada.
 2. Permohonan tersebut perlu dihantar ke Unit Pembangunan Organisasi melalui Jabatan Pentadbiran & Sumber Manusia, Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM untuk dibawa ke ke Mesyuarat Penyelarasan Pertukaran.
- Unit Pembangunan Organisasi akan memaklumkan keputusan mesyuarat pertukaran kepada pemohon dan akan menyemak borang tuntutan perpindahan bagi calon yang layak untuk dimajukan ke pihak Bendahari bagi tujuan bayaran.



Proses Penyediaan SKT & LNPT

Syarat penyediaan borang Penilaian

- Mempunyai emel rasmi UiTM
- Telah mengemaskini pegawai atasan (PPP & PPK)
- Pegawai berstatus Aktif sebelum proses penjanaaan borang oleh pihak urusetia

1 Sasaran Kerja Tahunan (SKT)

- PYD Menerima notifikasi di HR2U & UiTM gmail
- PYD Melaksanakan penilaian sendiri
- Klik SIMPAN LENGKAP untuk semua bahagian.
- Klik HANTAR borang kepada PPP
- PPP menerima notifikasi di HR2U & UiTM Gmail
- Menyemak penilaian sendiri PYD, Pulangkan kpd PYD jika perlu.
- Klik SIMPAN LENGKAP untuk semua bahagian.
- Klik Hantar

2 Kajian Pertengahan Tahunan

- PYD Menerima notifikasi di HR2U & UiTM gmail
- PYD Berbincang dengan PPP untuk penambahbaikan SKT
- Klik SIMPAN LENGKAP untuk semua bahagian.
- Klik HANTAR borang kepada PPP
- PPP menerima notifikasi di HR2U & UiTM Gmail
- Menyemak penilaian sendiri PYD, Pulangkan kpd PYD jika perlu.
- Klik SIMPAN LENGKAP untuk semua bahagian.
- Klik Hantar

3 Laporan Penilaian Prestasi Tahunan

- PYD Menerima notifikasi di HR2U & UiTM gmail
- PYD Melaksanakan penilaian sendiri
- Klik SIMPAN LENGKAP untuk semua bahagian.
- Klik HANTAR borang kepada PPP untuk dinilai.
- PPP menerima notifikasi di HR2U & UiTM Gmail
- PPP Membuat penilaian sendiri kepada PYD dan memberi markah.
- PPP Klik SIMPAN LENGKAP untuk semua bahagian.
- PPP Klik Hantar. Borang akan dihantar kepada PPK untuk penilaian
- PPK menerima notifikasi di HR2U & UiTM Gmail
- PPK Membuat penilaian sendiri kepada PYD dan memberi markah.
- PPK Klik SIMPAN LENGKAP untuk semua bahagian.
- PPK Klik Hantar. Borang akan dihantar kepada PYD untuk Setuju terima markah
- PYD klik setuju terima markah dan hantar.

Rujukan:
Manual Penyediaan
Laporan Nilain Prestasi
Tahunan (LNPT) Bagi Staf
Uitm



Anugerah Insan iDART HASA UiTM

Anugerah Insan iDART bertujuan sebagai suntikan semangat dan motivasi kepada warga Hospital untuk terus berkhidmat dengan lebih baik sekaligus memberikan penyampaian perkhidmatan yang lebih cemerlang kepada pelanggan Hospital Al- Sultan Abdullah UiTM.

SYARAT UMUM

1. Anugerah ini terbuka kepada semua staf HUiTM dan Pensyarah perubatan yang dicalonkan oleh Ketua Jabatan/Pusat Perkhidmatan/Bahagian/Unit.
2. Calon telah berkhidmat dengan Hospital Al- Sultan Abdullah UiTM tidak kurang dari tempoh 6 bulan perkhidmatan.
3. Mempunyai rekod yang bersih dari sebarang kes tatatertib mahupun kes jenayah sepanjang tempoh perkhidmatan staf di Hospital.




KATEGORI PENCALONAN :

- Kumpulan Pengurusan & Profesional
- Kumpulan Pelaksana

KRITERIA PENCALONAN

Ciri-ciri Keperibadian Utama:

- Personaliti – kejujuran, kebolehpercayaan, amanah, semangat berpasukan
- Dedikasi – terhadap tugas, bersedia bekerja lebih tanpa mengira masa
- Realibiliti – dipercayai dan komited
- Disiplin – taat dan patuh pada arahan dan peraturan
- Akauntabiliti – bertanggungjawab dan berintegriti



MERIT TAMBAHAN

- Bakat – sumbangan kepada organisasi/ penonjolan yang luar biasa
- Keterampilan – cara melayan pelanggan, keramahan
- Kreativiti – inovasi/kualiti/kuantiti/kos efektif/pembaharuan/pembaikan



Rujukan : Keputusan Minit Jawatankuasa Pengurusan Hospital Bil 8/2022 Bertarikh 10 Jun 2022

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)

lanya boleh dipertimbangkan kepada staf Hospital Al-Sultan Abdullah yang sedang berkhidmat sama ada secara tetap, sementara atau kontrak dengan syarat berikut:

- a. Telah berkhidmat bagi tempoh genap setahun penuh pada hari terakhir tahun penilaian.
- b. Mendapat markah sebanyak 85% dan lebih dalam penilaian prestasi tahun berkenaan
- c. Diperakukan oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM)
- d. Tidak pernah dikenakan sebarang tindakan tatatertib atau mempunyai rekod jenayah.

Kuota bagi pencalonan anugerah tidak boleh melebihi 8% dari jumlah staf tetap, sementara atau kontrak pada tahun berkenaan

Kenaikan Pangkat



Seseorang staf hanya boleh dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat jika telah mematuhi semua syarat yang dinyatakan dalam skim perkhidmatannya dan jika terdapat kekosongan dalam jawatan kenaikan pangkat itu, melainkan jika skim perkhidmatan memperuntukkan selainnya.

Syarat am kenaikan pangkat

- Disahkan dalam perkhidmatan;
- Telah mengisytiharkan harta dan liabiliti (setiap 5 tahun);
- Menandatangani Surat Aku Janji;
- Bebas dari tindakan tatatertib atau mahkamah;
- Memenuhi 42 jam latihan
- Diperakui oleh Ketua Jabatan / Ketua Perkhidmatan.

Rujukan:
Peraturan-Peraturan
Pegawai Awam
(Pelantikan, Kenaikan
Pangkat dan
Penamatan
Perkhidmatan) Tahun
2012



Sila majukan permohonan bersama dokumen yang lengkap ke Jabatan Pentadbiran & Sumber Manusia, Hospital UiTM untuk keputusan di jabatan dan seterusnya ke Bahagian Kemajuan Kerjaya untuk kelulusan di peringkat Universiti.

Pemangkuan Dan Penanggungungan Kerja

- Seseorang staf boleh, apabila dikehendaki demi kepentingan perkhidmatan dan tertakluk kepada kelulusan Universiti, diarah memangku atau menanggung kerja tugas jawatan lain. Pemangkuan yang kurang dari enam (6) bulan bagi sesuatu jawatan adalah tidak dibenarkan kecuali bagi jawatan yang tidak boleh ditanggung kerja
- Staf yang telah diluluskan memangku atau menanggung kerja tugas jawatan lain layak dibayar elaun pemangkuan atau elaun penanggungungan kerja mengikut peraturan yang sedang berkuat kuasa. Elaun penanggungungan kerja dibayar kepada staf yang dilantik untuk menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawab sesuatu jawatan lain yang sama, lebih tinggi atau lebih rendah tarafnya disamping menjalankan tugas-tugas jawatannya sendiri.

Cuti Staf

Jenis - jenis Cuti

- 1  *Cuti Yang Diberi Kerana Perkhidmatan*
- 2  *Cuti Atas Sebab Perubatan*
- 3  *Cuti Tidak Berekod*
- 4  *Cuti-Cuti Lain*

Cuti Yang Diberi Kerana Perkhidmatan




Cuti - cuti lain

- ◆ *Cuti Tanpa Gaji Mengikut Pasangan*
- ◆ *Cuti Menjaga Anak Tanpa Gaji (Tidak Terikat Tempoh Bersalin)*
- ◆ *Cuti Tanpa Gaji Selepas Bersalin*
- ◆ *Cuti Haji*
- ◆ *Cuti Tanpa Gaji (Cuti Haji)*

Cuti Staf

Cuti Atas Sebab Perubatan



Syarat cuti sakit dan sijil cuti sakit (kerajaan & swasta)

- Sijil cuti sakit asal perlu dihantar ke Bahagian Pembangunan Sumber Manusia bersama kelulusan dari Ketua Jabatan.
- Permohonan perlu dihantar melalui sistem HR2U dan pemohon perlu memuat naik sijil cuti sakit.

Syarat cuti kuarantin (diri sendiri)

- Surat pengesahan perlu dihantar ke Bahagian Pembangunan Sumber Manusia bersama kelulusan dari Ketua Jabatan.
- Permohonan perlu dihantar melalui sistem HR2U dan pemohon perlu memuat naik surat pengesahan dari Pegawai Perubatan.

Cuti Staf

Cuti Tidak Berekod

- Cuti Gantian
- Cuti Tugas Khas Perubatan
- Umrah
- kuarantin menjaga anak
